



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
ISTIADAT KONVOKESYEN KIAS KALI KE-26

1. Bilakah Istiadat Konvokesyen KIAS Kali Ke-26 dilaksanakan?

Tarikh : 30 Rabiulawal 1448H/ 12 September 2026 (Sabtu)
Tempat : Dewan Johor, Kampus B, KIAS

2. Berapakah yuran konvokesyen yang perlu dibayar?

Yuran konvokesyen yang perlu dibayar ialah RM300.00
Sila rujuk laman web KIAS >>Yuran Konvokesyen

3. Saya tidak menghadiri istiadat konvokesyen, adakah saya perlu membayar yuran konvokesyen?

Ya, graduan yang tidak menghadiri istiadat konvokesyen perlu membayar yuran konvokesyen iaitu RM200.00.

4. Adakah yuran konvokesyen termasuk sewaan pakaian konvokesyen?

Ya.

5. Adakah yuran konvokesyen termasuk gambar konvokesyen?

Tidak.

6. Adakah yuran konvokesyen termasuk bayaran transkrip?

Ya.

7. Apakah transkrip akademik dan album (folder) ijazah/diploma?

7.1 Transkrip akademik ialah dokumen yang mengandungi rekod pencapaian/ gred kursus-kursus yang diambil sepanjang tempoh pengajian.

7.2 Album (Folder) ijazah/ diploma ialah album kulit keras untuk diletakkan skrol (sijil). Setiap graduan hanya menerima satu bagi peringkat pengajian yang diikuti.

8. Bilakah transkrip akademik boleh diambil?

Transkrip akademik boleh diambil **bermula pada Ahad, 13 September 2026** di Kaunter Unit Peperiksaan, KIAS (pada waktu pejabat). Sila bawa bersama resit bayaran yuran konvokesyen.

9. Bilakah graduan boleh mengambil/memulangkan pakaian konvokesyen?

Sila rujuk laman web KIAS >>Jadual Pengambilan & Pemulangan

10. Adakah dibenarkan untuk menghantar wakil untuk mengambil pakaian konvokesyen?

Dibenarkan. Wakil perlu membawa bersama Borang Wakil Peminjaman Pakaian Konvokesyen yang telah lengkap diisi.

11. Apakah etika pakaian sewaktu Istiadat Konvokesyen?

Sila rujuk laman web KIAS >>Tatacara Berpakaian Graduan

12. Siapakah yang dibenarkan hadir ke istiadat konvokesyen ini?

Graduan dibenarkan hadir bersama keluarga. Walau bagaimanapun, hanya DUA (2) orang tetamu (ibu bapa/ ahli keluarga) yang berumur 12 tahun dan ke atas sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam dewan dengan membawa bersama pas masuk yang telah diberi. Ahli keluarga lain boleh duduk di tempat yang disediakan.

Mereka yang tidak sihat atau menghadapi lain-lain penyakit berjangkit **DILARANG** menghadiri istiadat konvokesyen.

13. Apakah pakaian yang dibenarkan untuk dipakai oleh tetamu (ibu bapa/ahli keluarga) semasa istiadat konvokesyen?

➤ **Pakaian TETAMU LELAKI:**

- a. Kebangsaan/ Batik/ Kemeja (berlengan panjang atau pendek)/ Seluar slek/ Lounge suit.
- b. Kasut yang bersesuaian. (TIDAK DIBENARKAN memakai selipar, sandal, capal, sneaker atau kasut sukan).
- c. TIDAK DIBENARKAN memakai jeans, khaki/ *cargo pants* atau kemeja-T.

➤ **Pakaian TETAMU PEREMPUAN:**

- a. Kebangsaan/ Baju kurung/ Jubah.
- b. Kasut yang bersesuaian. (TIDAK DIBENARKAN memakai selipar, sandal, sneaker atau kasut sukan).
- c. TIDAK DIBENARKAN memakai gaun/ skirt pendek (atas paras lutut), blouse tanpa lengan, kemeja-T, kain pario, palazo atau seluar.

14. Adakah ruang solat disediakan?

Ya, ruang solat disediakan.

15. Bolehkah saya balik selepas saya menerima penganugerahan ijazah/ diploma?

Tidak. Graduan dan tetamu TIDAK DIBENARKAN keluar meninggalkan dewan sehingga istiadat selesai.

16. Adakah dibenarkan untuk mengambil gambar sewaktu istiadat berlangsung?

Tidak. Hanya jurugambar yang dilantik oleh pihak KIAS sahaja boleh mengambil gambar sepanjang istiadat berlangsung.

17. Adakah graduan wajib mengisi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)?

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) merupakan kajian tahunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mengetahui status graduan selepas tamat pengajian. Semua graduan WAJIB mengisi SKPG 1 dan SKPG 2 di pautan berikut :

1. SKPG 1 : <https://graduan.mohe.gov.my/SKPG26/LogMasuk.aspx>
2. SKPG 2 : <https://graduan.mohe.gov.my/update/>

Graduan boleh mula mengisi SKPG 1 dan SKPG 2 pada **1 Ogos 2026 sehingga 2 September 2026**.

Selang masa mengisi SKPG 1 dan SKPG 2 adalah satu hari.

Sila bawa bersama slip SKPG 1 dan SKPG 2 ketika datang mengambil jubah konvo.

Kegagalan mengisi SKPG 1 dan SKPG 2 boleh menyebabkan graduan dihalang menyertai Istiadat Konvokesyen. Sebarang pertanyaan boleh hubungi **Encik Mohd Khairol bin Mokhtar, Penolong Pendaftar (Alumni & Kokurikulum) di talian 011-11496184**.

18. Adakah parkir kenderaan ibu bapa disediakan?

Ya. Parkir kenderaan ibu bapa pada hari istiadat berlangsung disediakan di dataran Kampus A berhampiran ATM Bank Islam dan di Dataran Pustaka KIAS.